

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Negeri Sarawak mempunyai penduduk seramai 1.8 juta orang yang terdiri daripada kaum pribumi dan keturunan pendatang. Terdapat empat puluh enam bahasa pribumi dari rumpun Austronesia di negeri ini. (Grimes 1992). Walaupun jumlah bahasanya banyak, tetapi hanya beberapa bahasa sahaja yang jumlah penuturnya melebihi sepuluh ribu orang. Kebanyakan bahasa-bahasa ini penuturnya hanya sekitar ratusan orang sahaja. Keturunan yang paling ramai adalah Iban, mereka ini merupakan 29.4% daripada keseluruhan penduduk negeri Sarawak diikuti oleh Cina 27.4%, Melayu 21.2%, Bidayuh 8.2% dan Melanau 5.7%. Baki sebanyak empat puluh dua bahasa pribumi yang lain hanya dituturkan oleh 0.8% penduduk sahaja. Disebabkan bahasa-bahasa pribumi ini jumlah penuturnya amat sedikit, adalah dikhuatiri bahasa tersebut akan pupus dengan cara terserap ke dalam bahasa yang lebih dominan seperti bahasa Melayu dan Iban.

1.1 Latar belakang kajian

Kajian ini adalah kajian sosiolinguistik yang dijalankan ke atas komuniti minoriti Rajang-Tanjong yang tinggal di Kapit, Sarawak. Komuniti Rajang-Tanjong ini menuturkan dua bahasa utama, iaitu bahasa Tanjong dan bahasa Kanowit. Kedua-

dua bahasa ini merupakan rumpun bahasa Austronesia yang terdapat di Sarawak. Jumlah anggota komuniti ini tidak ramai dan penempatan mereka adalah di bahagian tengah dan hulu Sungai Rejang di antara Kanowit dan Belaga. Aspek sosiolinguistik yang disentuh dalam kajian ini adalah gejala pemeliharaan bahasa dan penyisihan bahasa yang berlaku dalam komuniti ini dan kajian ini merupakan kajian makrososiolinguistik

1.2 Tujuan kajian

Kajian ini melihat gejala pemeliharaan bahasa dan penyisihan bahasa yang berlaku dalam satu komuniti minoriti yang bersifat dwibahasa. Menurut Thieberger (1990), kajian pemeliharaan bahasa adalah kajian untuk melihat dua perkara yang berlaku dalam masyarakat, iaitu sama ada menghurai tahap penyisihan bahasa yang sedang berlaku, dan yang kedua pula adalah melihat atau mengkaji aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk memelihara sesuatu bahasa.

“The term ‘language maintenance has been used to mean either (1) a description of the state of shift that a language has undergone (that is, how much of the language is actually maintained), or (2) those activities engaged in with an aim of maintaining languages”.

(Thieberger, 1990)

Dalam kajian ini, yang dilihat adalah perkara yang pertama tadi, iaitu mengkaji tahap penyisihan bahasa yang berlaku dalam komuniti yang dikaji. Kajian

akan melihat setakat mana bahasa ibunda dapat dipelihara apabila bertembung dengan bahasa-bahasa lain yang lebih dominan. Komuniti yang dikaji ini merupakan komuniti yang bersifat dwibahasa dan kini merupakan komuniti minoriti di negeri Sarawak, walaupun pada satu ketika dahulu mereka merupakan golongan yang paling ramai di Daerah Kapit dan Kanowit.(Edward dan Stevens 1971:91). Disebabkan jumlah anggota komuniti ini yang sedikit, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana komuniti ini dapat mempertahankan bahasa ibunda mereka dalam menghadapi cabaran pembangunan pada zaman serba maju ini.

Kajian ini juga bertujuan untuk menyediakan maklumat sosiolinguistik untuk komuniti ini. Memandangkan kajian sosiolinguistik terhadap bahasa-bahasa pribumi minoriti di Malaysia, khususnya bahasa-bahasa Austronesia di Sarawak masih terlampau kurang, diharapkan kajian ini akan menjadi asas dan penggalak kepada kajian yang selanjutnya. Kajian sedemikian adalah amat perlu kerana banyak komuniti kecil telah terserap ke dalam komuniti yang lebih besar dan dominan. Contoh keadaan ini boleh dilihat seperti yang telah berlaku kepada bahasa Miriek di Sarawak. Bahasa ini telah beransur-ansur hilang dan penutur bahasa ini telah beralih menggunakan bahasa Melayu Sarawak. (Bibi Aminah Abdul Ghani dan Abang Ahmad Ridzuan (1993).

Komuniti Rajang-Tanjong kini merupakan golongan minoriti, walaupun dahulu mereka ini dikatakan ramai jumlahnya dan dikenali sebagai golongan yang terawal tinggal di daerah Kanowit dan Kapit. Jumlah mereka menjadi kurang disebabkan kemasukan suku kaum lain secara besar-besaran ke daerah ini

terutamanya suku kaum Iban yang telah mula masuk sejak abad ke-19. Kini orang Iban merupakan 71.5% daripada keseluruhan penduduk Daerah Kapit, manakala Rajang-Tanjong pula hanya merupakan 0.4% sahaja. Keadaan ini menjadikan bahasa Iban sebagai bahasa dominan di kawasan ini. Selain terdedah dengan bahasa Iban, komuniti ini juga terdedah dengan bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi dan bahasa pendidikan. Disebabkan keadaan ini, ruang penggunaan bahasa ibunda oleh anggota komuniti ini menjadi semakin sempit, hanya terhad dalam beberapa domain di sekitar penempatan mereka sahaja. Dengan mengetahui tahap pemeliharaan bahasa dan penyisihan bahasa yang berlaku dalam komuniti ini, maka diharapkan hasil kajian ini dapat dijadikan bahan rujukan untuk menjalankan usaha pemeliharaan terhadap bahasa yang hampir pupus.

Suatu bahasa itu perlu dipelihara walaupun penuturnya merupakan golongan minoriti dan hanya berjumlah ratusan orang sahaja. Menurut Thieberger (1990), bahasa golongan minoriti ini perlu dipelihara kerana bahasa tersebut merupakan salah satu sumber semulajadi negara (*natural resources*), merupakan keperluan sosial (*social cohesion*) dalam sesebuah negara, di samping sebagai identiti negara. Menurut beliau lagi, bahasa golongan minoriti ini juga adalah satu corak dalam kepelbagaian bahasa yang mewarnai sesebuah negara dan bahasa ini dapat memainkan peranan sebagai pemelihara kebudayaan (*cultural maintenance*) yang boleh membawa kepada kesejahteraan sosial individu serta asas kepada keadilan sosial.

Bahasa adalah sumber semulajadi negara dan merupakan salah satu kekayaan negara, dan dengan itu adalah wajar kekayaan negara ini dijaga serta

dipelihara dan tidak dibiarkan pupus begitu sahaja. Bagi bahasa-bahasa yang menunjukkan kecenderungan ke arah kepupusan, langkah patut diambil untuk memelihara bahasa ini bagi menjamin keberterusan hayatnya dan secara tidak langsung menjaga salah satu sumber kekayaan negara. Di samping itu, bahasa ini juga merupakan alat perpaduan sosial. Anggota sesuatu komuniti mempunyai rasa perpaduan yang kuat jika disatukan dalam satu bahasa yang dapat menguatkan rasa kekitaan di kalangan anggota komuniti. Seterusnya bahasa tersebut dapat dijadikan sebagai identiti komuniti tersebut. Menurut Asmah Hj. Omar (1998), bahasa merupakan faktor utama penentu identiti seseorang individu sebagai anggota sesuatu kumpulan. Bagi komuniti yang telah kehilangan bahasa ibunda, maka mereka bolehlah dikatakan kehilangan identiti.

Bahasa golongan minoriti ini juga sebenarnya dapat memberi sumbangan yang besar dalam memantapkan lagi bahasa kebangsaan. Perbendaharaan kata bahasa kebangsaan, terutamanya dari segi istilah dapat ditambah dengan mengambil kata-kata yang terdapat dalam bahasa minoriti bagi konsep-konsep yang tidak terdapat dalam bahasa kebangsaan. Cara ini dapat mengurangkan peminjaman dari bahasa asing. (Ismail bin Dahaman, 1992).

Pemeliharaan bahasa secara tidak langsung memelihara kebudayaan sesuatu komuniti itu. Kepelbagaian kebudayaan di dalam sesebuah negara adalah hak rakyat negara tersebut dan setiap individu berhak untuk mengamalkan adat dan budaya mereka sendiri dan ini akan menjamin keadilan sosial yang akan membawa kepada kesejahteraan sosial.

1.3 Pemilihan komuniti yang dikaji

Komuniti ini dipilih sebagai subjek kajian kerana komuniti ini adalah agak unik jika dibanding dengan komuniti-komuniti yang lain. Sebenarnya anggota komuniti ini terdiri daripada dua keturunan utama yang mempunyai dua bahasa ibunda yang berbeza, iaitu keturunan Tanjong dan keturunan Kanowit. Grimes (1992) meletakkan kedua-dua bahasa ini sebagai dua bahasa yang berbeza. Beliau menegaskan lagi bahawa kawasan bahasa Kanowit adalah di Daerah Kanowit dan kawasan bahasa Tanjong pula adalah di Daerah Kapit.

Di negeri Sarawak, hanya terdapat tiga kawasan sahaja yang didiami oleh keturunan Tanjong dan Kanowit ini. Ketiga-tiga penempatan ini terletak di bahagian tengah dan hulu Sungai Rejang, iaitu di Kanowit, Kapit dan Belaga. Di Kanowit, komuniti ini hanya yang berketurunan Kanowit sahaja dan di Belaga pula, sebahagian besarnya berketurunan Tanjong. Manakala yang tinggal di Kapit pula, mereka terdiri daripada kedua-dua keturunan ini dan jumlah anggotanya hampir sama banyak antara kedua-dua keturunan ini. Walaupun komuniti di Kapit ini terdiri daripada dua keturunan yang berbeza, tetapi mereka dianggap sebagai satu komuniti kerana menepati takrif komuniti, iaitu satu kumpulan manusia yang berkongsi bahasa, kebudayaan, cara hidup, sejarah, agama, dan politik yang sama serta mendiami satu kawasan yang sama dan mempunyai rasa kesatuan. (Bloomfield 1933, Gumperz 1971, Labov 1972, Inkeles 1985). Kerajaan negeri Sarawak juga

menamakan komuniti ini sebagai Rajang-Tanjong dan dianggap sebagai satu komuniti dan diletakkan di bawah seorang ketua masyarakat bergelar Penghulu.

Disebabkan keadaan ini, komuniti ini adalah dwibahasa dan ditambah pula dengan pengaruh bahasa Iban yang begitu dominan dan bahasa Melayu yang masuk melalui pendidikan dan media massa. Keadaan ini juga menjadikan komuniti ini begitu unik dan sesuai dijadikan subjek dalam pengkajian sosiolinguistik.

1.4 Ruang lingkup kajian

Kajian ini adalah kajian makrososiolinguistik yang melihat gejala pemeliharaan bahasa dan penyisihan bahasa yang berlaku dalam satu komuniti minoriti. Dalam usaha untuk melihat gejala ini, maklumat mengenai penguasaan bahasa setiap individu di dalam komuniti ini perlu diambil. Setelah penguasaan bahasa anggota komuniti ini diketahui, perkara seterusnya yang perlu dilihat adalah bentuk pemilihan bahasa yang berlaku di dalam domain-domain yang telah ditentukan. Melalui maklumat penguasaan bahasa dan pemilihan bahasa, dapatlah dikesan proses pemeliharaan bahasa dan penyisihan bahasa yang berlaku di dalam komuniti ini.

Kajian ini melihat gejala pemeliharaan bahasa dan penyisihan bahasa secara keseluruhan komuniti yang dikaji, bukan pada peringkat individu. Dengan itu penganalisan khusus bentuk penggunaan bahasa peringkat individu seperti pertukargantian kod, percampuran kod dan sebagainya tidak termasuk dalam kajian

ini. Bentuk penggunaan bahasa ini akan disentuh secara keseluruhan pada peringkat komuniti.

Kajian ini juga adalah terhad di kalangan anggota komuniti yang tinggal di kawasan kajian sahaja. Kajian ini tidak mencakupi anggota komuniti ini yang merantau di tempat lain.

1.5 Kesimpulan

Komuniti Rajang-Tanjong ini merupakan komuniti minoriti di Sarawak yang menghadapi bahaya kepupusan. Kepupusan di sini bukan bermaksud anggota komuniti ini yang pupus tetapi sebenarnya adalah kepupusan bahasa dan budaya mereka. Disebabkan komuniti ini adalah golongan minoriti dan tidak mempunyai kuasa politik dan ekonomi, maka mereka mudah terasimilasi dengan bahasa dan budaya kaum yang lebih dominan di sekitar mereka.